

Beberapa projek untuk TLDM Lumut dilulus

BERITA HARIAN 16 JUN 2025 m/d: 3

Lumut: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam mengumumkan peruntukan untuk beberapa projek di Pangkalan Tentera Laut Malaysia (TLDM) Lumut yang diluluskan tahun ini, demi kesejahteraan warga pasukan keselamatan.

Beliau berkata, sebanyak RM65 juta diperuntukkan bagi pembinaan sebuah kompleks klinik pakar dan naik taraf Hospital Angkatan Tentera (ATM), di pangkalan itu.

Turut diluluskan ialah projek naik taraf sistem agihan bekalan voltan tinggi (33kV) dengan peruntukan RM100 juta, penggantian tangki operasi *Bulk Fuel Installation* (BFI) dengan peruntukan RM23.3 juta dan naik taraf jeti operasi Tambatan Pangkalan Lumut dengan peruntukan RM66.5 juta.

“Yang ini (kompleks klinik pakar dan menaik taraf Hospital

ATM Lumut) saya minta Setiausaha Kerajaan Negeri yang ada di sini, supaya segera dilaksanakan. Peruntukan telah kita luluskan, juga tambah baik lain yang kita buat untuk kesejahteraan warga TLDM,” kata beliau.

Perdana Menteri berkata demikian pada Program Kenduri Rakyat Menyantuni Warga TLDM Lumut sempena Program MADANI Rakyat 2025 Perak, di sini semalam, yang turut dihadiri Menteri Komunikasi, Datuk Fahmi Fadzil dan Panglima Tentera Laut, Datuk Zulhelmy Ithnain.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata sebelum ini, sejumlah projek penyelenggaraan berjaya dilaksanakan di TLDM Lumut, antaranya sistem perpaipan bekalan air tawar; pembinaan Pusat Anak Permata Negara (PAPN); pembaikan cerun di

Bukit Perwira; pemasangan sistem perlindungan kilat di Depot Peluru dan Bahan Letupan; pembaikan menyeluruh Rumah Keluarga A33, A37, A16 dan A22; serta Pengerukan Jeti Operasi.

“Menurut Komandan, peningkatan sistem perpaipan bekalan air tawar ini belum siap sepenuhnya dan naik taraf beberapa rumah juga ada kelewatan, yang lain semua telah siap, ini perkembangan baik,” kata beliau.

Perdana Menteri berkata, Program Ekonomi MADANI di Pangkalan TLDM Lumut menerima peruntukan sebanyak RM65,000 bagi projek pertanian bandar cendawan dengan kerjasama Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan RM50,000 untuk projek ternakan madu kelulut dengan kerjasama Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

“Kita ada juga Work-Based Learning (WBL) iaitu inisiatif peng-

iktiraan pengalaman ATM dengan kelayakan bertaraf sekurang-kurangnya diploma.

“Untuk diploma, kita beri ruang kepada anak-anak kita untuk meningkatkan pendidikan selain daripada latihan khusus dalam bidang kecerdasan buatan (AI) dan digital, kita sediakan beratus juta ringgit untuk latihan,” kata beliau.

Dalam pada itu, Anwar berkata peruntukan khas turut diluluskan untuk menaik taraf 34 sekolah di kem keselamatan dan pangkalan tentera, termasuk dandas dan makmal bagi memberi keselesaan kepada anak-anak anggota.

“Kita telah memutuskan untuk kem sahaja RM20 juta (peruntukan), saya tidak mahu anak-anak kita di kem, bapaknya bertarung nyawa di laut berminggu-minggu, berbulan-bulan ataupun pesawat udara, maka

(anak) mereka perlukan tempat selesa untuk belajar,” kata Perdana Menteri.

Anwar juga berkata semua menteri, pegawai tertinggi di peringkat Persekutuan serta kerajaan negeri, malah pelaksana dasar dan projek untuk kerap turun padang bagi memahami setiap masalah yang dihadapi rakyat.

Beliau berkata, tindakan ini juga perlu dilaksanakan oleh semua Ahli Parlimen bagi memastikan setiap isu penduduk setempat dapat ditangani dengan lebih baik dan menyeluruh.

“Malah, penjawat awam yang kanan pun kita minta turun ke bawah, sebab itu kita ada Sejati MADANI dan Kampung Angkatan MADANI di mana pegawai tinggi termasuk menteri tahu ada ‘disconnect’ atau perbezaan daripada ungkapan dasar dengan apa yang kita laksanakan pada peringkat bawah,” katanya.